

Sediakan peluang untuk perkasa OKU

SETIAP manusia dianugerahkan dengan kelebihan masing-masing tidak kira orang normal mahupun kelainan upaya (OKU).

Menyisihkan dan berpandangan negatif terhadap golongan ini akan membunuh potensi mereka.

Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad berkata, sudut pandang masyarakat



ZAID

terhadap OKU perlu diubah dan peluang haruslah dibuka lebih luas.

“Golongan ini perlu diberi kepercayaan untuk bersama-sama berada di arus perdana dan menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

“Masyarakat perlu disedarkan akan perkara ini dan berhenti memandang serong sebaliknya, membantu menyediakan

lebih banyak peluang ke arah memperkasa OKU.

“Banyak kisah kejayaan OKU yang kita saksikan di media massa dan ini menjadi bukti keupayaan mereka sama sahaja seperti orang normal,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, akses atau kemudahan perlu diberi penekanan bagi memudahkan mereka untuk bergerak dan melaksanakan segala urusan dengan lancar.

Ujar Zaid, kita perlu mencontohi

negara-negara maju yang menyediakan akses terbaik untuk golongan ini.

Menyediakan akses ini merupakan tanggungjawab kita dan ia merupakan perkara asas yang sangat penting jika mahu melihat mereka berjaya serta tidak menjadi bebanan kepada masyarakat ataupun negara.

“Ahli keluarga juga perlu memberi sokongan dan melibatkan anak-anak istimewa ini dalam pelbagai aktiviti agar mereka tidak berasa tersisih,” terangnya.